

Harmonikan dengan fitrah insani



Bersama
Dr Nor Hazrul
Mohd Salleh



Persekolahan formal bermula pada usia tujuh tahun di sekolah kebangsaan di Malaysia bukan satu kebetulan, tetapi satu aturan yang bertepatan dengan fitrah kejadian manusia

endidikan kanak-kanak adalah satu pelaburan terbesar sesebuah tamadun. Di Malaysia, landskap pendidikan awal mengalami evolusi yang signifikan sejajar dengan keperluan zaman dan tuntutan global.

Keputusan kerajaan menetapkan pendidikan rasmi bermula seawal usia enam tahun di peringkat prasekolah, sebelum melangkah ke tahun satu pada usia tujuh tahun, membuka ruang perbincangan yang luas dalam kalangan sarjana, ibu bapa dan pembuat dasar.

Persoalan yang sering timbul bukan sekadar tentang angka usia tersebut, tetapi sejauh mana dasar ini selari dengan prinsip pendidikan Islam bersumberkan wahyu serta bagaimana ia menyantuni fitrah perkembangan kanak-kanak yang digariskan oleh pakar psikologi dan tokoh ulama silam.

Untuk memahami kewajaran ini, kita perlu melihat integrasi antara ketetapan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan dalil al-Quran, as-Sunan dan pandangan cerdik pandai Islam dalam satu kerangka yang komprehensif.

Dalam konteks sistem pendidikan negara, keputusan mewajibkan dan menggalakkan kanak-kanak memasuki alam persekolahan seawal usia enam tahun didorong oleh hasrat untuk memastikan penguasaan kemahiran asas literasi dan numerasi atau dikenali sebagai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira sebelum mereka menjejaskan kaki ke sekolah rendah.

Dasar ini dilihat sebagai satu langkah proaktif kerajaan untuk merapatkan jurang pendidikan dan mengelakkan keciciran murid.

Namun, apabila kita menyorot kembali kepada perspektif Islam, pendidikan sebenarnya bermula jauh lebih awal daripada usia enam tahun, namun definisinya berbeza.

Islam melihat fasa awal kehidupan kanak-kanak iaitu dari lahir hingga enam tahun sebagai fasa pembinaan emosi dan penanaman benih iman, bukan fasa akademik yang kaku.

Hadis Rasulullah SAW yang menyebut bahawa setiap anak

dilahirkan dalam keadaan fitrah meletakkan tanggungjawab awal pendidikan sepenuhnya di bahu ibu bapa untuk mencorakkan asas keperibadian anak tersebut sebelum diserahkan kepada institusi formal.

Titik pertemuan antara dasar kerajaan dan pandangan Islam ini menjadi lebih jelas apabila kita memperhalusi hadis tentang perintah solat.

Rasulullah SAW bersabda supaya menyuruh anak bersolat apabila mereka mencapai usia tujuh tahun.

Perintah ini secara tersirat mengiktiraf bahawa usia tujuh tahun adalah bermulanya fasa tamyiz iaitu satu tahap kematangan kognitif apabila kanak-kanak mula mampu membezakan baik dan buruk serta bersedia menerima arahan yang bersifat disiplin dan formal.

Maka, persekolahan formal yang bermula pada usia tujuh tahun di sekolah kebangsaan di Malaysia bukan satu kebetulan, tetapi satu aturan yang bertepatan dengan fitrah kejadian manusia.

Pandangan tokoh seperti Imam al-Ghazali, beliau menekankan bahawa kanak-kanak di bawah usia tujuh tahun tidak wajar dipaksa belajar sehingga hilang nikmat bermain mereka.

Al-Ghazali menegaskan bahawa bermain membantu perkembangan minda dan menyegarkan jiwa kanak-kanak. Ia menjadi satu fasa persediaan atau tamhid yang lembut, bukan satu fasa akademik yang

menekan.

Masalah hanya timbul apabila pelaksanaan di peringkat akar umbi menyimpang apabila kanak-kanak enam tahun dipaksa membuat latih tubi seolah-olah mereka pelajar sekolah menengah, yang ini jelas bertentangan dengan saranan al-Ghazali dan Ibnu Khaldun yang menolak kekerasan dalam pendidikan awal.

Ibnu Khaldun dalam karya agunginya Muqaddimah turut menyentuh tentang pendekatan pendidikan secara berperingkat atau tadrij.

Beliau mengkritik kaedah yang membebaskan pelajar baharu dengan hafalan dan masalah yang rumit sebelum mereka benar-benar bersedia.

Pada usia enam tahun, kanak-kanak di Malaysia sepatutnya didedahkan kepada sosialisasi, adab berkawan, pengurusan diri dan asas mengenal huruf dalam suasana yang menyeronokkan.

Oleh itu, persekolahan pada usia enam tahun hendaklah dilihat sebagai lanjutan kepada pendidikan di rumah, bukan sebagai pengganti kepada kasih sayang ibu bapa.

Selain itu, kesediaan bersekolah dalam konteks Malaysia hari ini sering disalahertikan sebagai kebolehan membaca semata-mata.

Sedangkan daripada sudut pandang Islam, kesediaan sebenar adalah pembentukan adab. Kisah Imam Malik yang dihantar ibunya untuk

mempelajari adab sebelum ilmu memberi isyarat jelas bahawa institusi pendidikan awal iaitu tadika atau prasekolah pada usia enam tahun perlu memberi prioriti kepada pembinaan karakter berbanding pencapaian akademik.

Jika sistem pendidikan negara pada peringkat usia enam tahun ini dapat memfokuskan kepada nilai murni, kasih sayang dan pembentukan akhlak seperti yang digariskan dalam pendidikan Islam, maka ia akan menjadi pelengkap kepada pendidikan formal yang bermula pada usia tujuh tahun.

Ini bermakna, kanak-kanak memasuki tahun satu bukan sahaja dengan kemahiran membaca, tetapi dengan jiwa yang tenang dan emosi yang stabil serta bersedia untuk memikul tanggungjawab 'perintah solat' dan disiplin ilmu yang lebih serius.

Islam tidak menghalang pendidikan awal, malah menggalakkannya, namun Islam menetapkan metodologi yang berbeza mengikut tahapan usia.

Usia enam tahun adalah jambatan yang menghubungkan alam bermain di rumah dengan alam disiplin di sekolah.

Ia adalah masa untuk menyemai rasa cinta kepada ilmu, bukan masa untuk menuai hasil akademik yang pramatang.

Penulis Penyelaras Program Khas Bahasa Arab, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia (UM), Pusat Pendidikan UM, Bachok, Kelantan

dialog kotaraya oleh Amykamen555

